

Selangor realisasi matlamat Negeri Maju

■ AZIE YAHAYA

S.H. 21/01/08 MS 3
SINAR HARIAN
MATLAMAT menjadikan Selangor sebuah negeri maju pada 2005 sudah direalisasikan tiga tahun lalu.

Kejayaan ini dicapai hasil kegigihan dan kerjasama semua pihak, terutama barisan pentadbiran kerajaan negeri yang bekerja keras untuk merealisasikan wawasan tersebut, sebaik sahaja Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr. Mohamad Khir Toyo mengumumkan inspirasi itu.

Kerajaan negeri tidak hanya menasaskan kepada pembangunan sektor perindustrian, malah mewujudkan masyarakat madani dan insan rabbani serta mempunyai persekitaran yang selamat.

Selangor memacu pembangunan seimbang dengan mengambil jalan berbeza iaitu dengan menyediakan rakyat berkualiti sebelum mengejar kemajuan. Pendekatan ini diambil kerana berpendapat, rakyat Selangor berkualiti mampu mengekal dan meningkatkan kemajuan yang lebih pesat, sekali gus membantu Selangor mempercepatkan proses menjadi negeri maju.

Prestasi ekonomi Selangor ini disumbangkan oleh perkembangan sektor-sektor utama yang sentiasa diberi penekanan oleh kerajaan.

"Kita boleh berbangga kerana perkembangan ekonomi

negeri ini sebagai sebuah negeri maju telah memperlihatkan satu pertumbuhan menyeluruh yang kental dan konsisten, selaras dengan pertumbuhan ekonomi negeri.

"Justeru, kerajaan negeri menganggarkan pertumbuhan ekonomi tahun 2008 berkembang pada kadar 6.6 peratus berbanding 6.3 peratus pada 2007," ujar Datuk Seri Dr. Mohamad Khir Toyo.

Dalam pada itu, Mohamad Khir amat menggalakkan rakyat Selangor menceburi sektor pertanian dan berharap mereka dibantu untuk mengembangkan dan mengkomersialkan produk masing-masing di pasaran terbuka.

"Sektor ini penting kerana ia merupakan sumber makanan dan bahan mentah kepada perusahaan asas tani serta sumber pendapatan golongan petani, terutama di kawasan luar bandar.

"Kita mahu melihat Selangor bebas daripada dibelenggu dan dikongkong makanan import kerana masih bergantung pada bahan import walaupun kita memberi tumpuan kepada usaha menghasilkan produk mentah menerusi konsep satu daerah satu produk," katanya.

Dalam hal ini, kerajaan Selangor telah melaksanakan pelbagai langkah dalam memberi pendedahan kepada golongan petani dan pengusaha kecil mengenai teknologi cang-



'Pulau Indah Industrial Park' merupakan salah satu projek pembangunan kerajaan negeri untuk kesejahteraan rakyat Selangor.

gih, di samping membuka ruang untuk mereka memasarkan terus produk mereka ke pasaran komersial.

"Selangor Halal Hub di Pulau Indah, Pelabuhan Klang akan dilengkapi dengan pusat setempat melibatkan beberapa jabatan yang akan memastikan produk keluaran tempat itu mematuhi piawaian halal," tambahnya.

Kepesatan pembangunan Lembah Klang sebenarnya telah membawa kemajuan kepada kawasan sekitar dan pinggirnya hingga ke Nilai dan beberapa kawasan luar bandar lain di Selangor.

Keyakinan pelabur luar terhadap kepesatan dan pembangunan di Selangor yang

sentiasa dibantu oleh Kerajaan Persekutuan, lebih meyakinkan apabila Koridor Raya Mutlimedia (MSC) turut memilih Lembah Klang sebagai pusatnya.

Malah, kawasan pertumbuhan baru iaitu Wilayah Lembah Klang Dua (WLK 2) bakal menjadi pemangkin utama dalam merancakkan ekonomi negeri Selangor.

"Kedua-dua projek mega ini dilihat bakal melimpahkan pembangunan pesat kepada penduduk setempat selain mewujudkan ribuan peluang pekerjaan.

"Penduduk yang memiliki tanah di kawasan terbabit juga berpeluang merebut keuntungan dan kemajuan yang akan di-

tawarkan kerajaan negeri melalui kedua-dua projek berkenaan.

"Kemajuan demi kemajuan yang dibawa sebenarnya bertujuan meningkatkan taraf hidup rakyat di negeri ini," jelasnya.

Sehubungan itu, peluang yang ada seharusnya direbut semua pihak.

Dalam pada itu, peluang pekerjaan di negeri ini telah memaksa Selangor terus menjadi tumpuan penduduk negeri-negeri lain.

Jika dulu, ramai di kalangan penduduk Semenanjung tertumpu ke Singapura, tetapi keadaan kini sudah berubah apabila Selangor mengambil tempat tersebut.

Kemakmuran yang terdapat di Selangor seharusnya diteruskan dan dengan kepimpinan Dr. Khir sebagai Menteri Besar dan di bawah naungan Baginda Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, Selangor sudah pasti dapat mencapai hasratnya menjadi sebuah negeri maju.

Kepimpinan yang diperlihatkan di negeri ini menjurus ke arah kepentingan ramai bagi memastikan nasib rakyat terus dibela dan diberi perhatian utama.

Oleh itu, rakyat seharusnya terus memberi kepercayaan dan sokongan padu bagi memastikan status Selangor Negeri Maju dapat dikekalkan kerana ia juga bakal menentukan arah tuju negara.

